



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, NOVEMBER 2023

Kadar pengangguran November kembali kepada paras prapandemik iaitu 3.3 peratus, mencatatkan 569.2 ribu orang penganggur

PUTRAJAYA, 10 Januari 2024 – Kadar pengangguran pada bulan November turun kepada 3.3 peratus dan kembali ke paras prapandemik, mencatatkan 569.2 ribu orang penganggur, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, November 2023**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan November 2023, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi tenaga buruh negara menunjukkan peningkatan pada bulan November 2023, mengisyaratkan pertumbuhan positif ekonomi semasa, dengan pertambahan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala pengangguran terus menurun. Oleh itu, bilangan tenaga buruh terus mencatatkan peningkatan pada bulan November 2023, naik sebanyak 0.2 peratus bulan-ke-bulan kepada 17.0 juta orang (Oktober 2023: 16.97 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh pada November 2023 kekal pada 70.1 peratus, sama seperti pada bulan sebelumnya."

Selain itu, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menjelaskan bahawa bilangan penduduk bekerja pada bulan November 2023 terus meningkat dengan pertambahan sebanyak 0.2 peratus bulan-ke-bulan, mencecah kepada seramai 16.43 juta orang berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2023: 16.40 juta orang). Sebaliknya, bilangan penganggur pada November 2023 terus menunjukkan penurunan, dengan pengurangan sebanyak 0.3 peratus kepada 569.2 ribu orang (Oktober 2023: 570.9 ribu orang). Kadar pengangguran pada bulan tersebut turun kepada paras prapandemik iaitu 3.3 peratus berbanding 3.4 peratus yang direkodkan pada bulan lalu.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Daripada jumlah bilangan penduduk bekerja pada bulan November 2023, 75.3 peratus berada dalam kategori pekerja. Kategori ini mencatatkan sedikit

peningkatan iaitu sebanyak 0.1 peratus kepada 12.37 juta orang (Oktober 2023: 12.35 juta orang). Pada masa yang sama, kategori penduduk bekerja sendiri berada dalam trend menaik, meningkat sebanyak 0.3 peratus kepada 2.99 juta orang (Oktober 2023: 2.99 juta orang)."

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus meningkat, terutamanya dalam aktiviti Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; serta Pengangkutan & penyimpanan. Begitu juga, sektor Pembuatan, Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian turut menunjukkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada November 2023. Manakala, sektor Pertanian merekodkan penurunan dalam bilangan penduduk bekerja pada bulan yang sama.

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, merangkumi 79.9 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini turun sebanyak 0.6 peratus kepada 454.5 ribu orang (Oktober 2023: 457.2 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, 61.8 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, sementara 6.3 peratus merupakan mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Manakala, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, meningkat sebanyak 0.8 peratus kepada 114.7 ribu orang (Oktober 2023: 113.8 ribu orang).

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun berkurang sebanyak 0.1 mata peratus kepada 10.6 peratus pada November 2023, mencatatkan seramai 308.5 ribu penganggur belia (Oktober 2023: 10.7%; 313.3 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 6.5 peratus, dengan bilangan penganggur belia seramai 432.0 ribu orang (Oktober 2023: 6.6%; 439.6 ribu orang).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan luar tenaga buruh pada bulan tersebut berada dalam trend penurunan, dengan sedikit pengurangan iaitu sebanyak 0.03 peratus merekodkan 7.24 juta orang (Oktober 2023: 7.24 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komposisi utama luar tenaga buruh (42.6%), manakala kategori bersekolah/ latihan berada di kedudukan kedua dengan 41.1 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, walaupun berdepan dengan cabaran global, struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai dan asas yang kukuh telah menyokong pertumbuhan ekonomi yang stabil. Oleh itu, pasaran buruh negara juga menunjukkan momentum pertumbuhan yang stabil untuk tempoh sebelas bulan pada tahun 2023, dengan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja dan pengangguran yang semakin berkurangan sehingga mengembalikan kadar pengangguran ke paras prapandemik.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 10 Januari 2024

Di samping itu, pada musim cuti yang akan datang dijangka akan meningkatkan ekonomi, terutamanya dalam aktiviti pelancongan. Walaupun bencana banjir pada 2023 memberi kesan kepada beberapa negeri di Malaysia, situasi tersebut dijangka tidak memberi kesan ketara kepada keseluruhan pasaran buruh kerana ianya dilihat lebih menjejaskan kawasan setempat. Justeru, landskap pasaran buruh negara dijangka kekal kukuh dalam beberapa bulan akan datang, sejajar dengan prestasi ekonomi negara yang semakin meningkat.

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui <https://open.dosm.gov.my>.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan.”

Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, November 2020 - November 2023




Carta 2: Pengangguran, Malaysia, November 2020 - November 2023



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 10 Januari 2024

Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, November 2020 - November 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
10 JANUARI 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, NOVEMBER 2023

November's unemployment rate returned to the pre-pandemic level of 3.3 per cent, registering 569.2 thousand unemployed persons

PUTRAJAYA, 10 January 2024 – The unemployment rate in November fell to 3.3 per cent and returned to the pre-pandemic level, registering 569.2 thousand unemployed persons, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, November 2023**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Elaborating on the overall performance for November 2023, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The performance of the country's labour force portrayed an improvement in November 2023, signalling the positive growth of the current economy, with the continuous increase in the number of employed persons, whereas unemployment further declined. Therefore, the number of labour force continued to register an increase in November 2023, rising by 0.2 per cent month-on-month to 17.0 million persons (October 2023: 16.97 million persons). The labour force participation rate in November 2023 stood at 70.1 per cent, similar to the preceding month."

In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also explained that the number of employed persons in November 2023 continued to rise with an addition of 0.2 per cent month-on-month, reaching a total of 16.43 million persons compared to the prior month (October 2023: 16.40 million persons). In contrast, the number of unemployed persons in November 2023 saw a persistent decrease, marking a reduction of 0.3 per cent to 569.2 thousand persons (October 2023: 570.9 thousand persons). The unemployment rate during the month fell to its pre-pandemic levels of 3.3 per cent compared to 3.4 per cent recorded last month.

Explaining further on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia said, "Out of the total employed persons in November 2023, 75.3 per cent were in the employees' category. This category posted a slight increase of 0.1 per cent to 12.37 million persons (October 2023: 12.35 million persons). On the same note, the own-account workers category was on an upward trend, rising by 0.3 per cent to 2.99 million persons (October 2023: 2.99 million persons)."

Across various economic sectors, the number of employed persons in the Services sector remained increased, particularly in Information & communication; Food & beverage services; and Transportation & storage activities. Similarly, the Manufacturing, Construction and Mining & quarrying sectors also showed rises in the number of employed persons in November 2023. Meanwhile, the Agriculture sector recorded a decline in the number of employed persons during the same month.

Enlightening further on the unemployment situation during the month, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that those who were available for work and were actively seeking jobs or the actively unemployed, comprised 79.9 per cent of the total unemployed persons. This category dropped by 0.6 per cent to 454.5 thousand persons (October 2023: 457.2 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, 61.8 per cent were those who were unemployed for less than three months, while 6.3 per cent were those who were in long-term unemployment for more than a year. Nevertheless, the inactively unemployed or those who believed that there were no jobs available, rose by 0.8 per cent to 114.7 thousand persons (October 2023: 113.8 thousand persons).

The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years edged down by 0.1 percentage points to 10.6 per cent in November 2023, registering 308.5 thousand unemployed youths (October 2023: 10.7%; 313.3 thousand persons). Likewise, the unemployment rate among youth aged 15 to 30 years declined by 0.1 percentage points to 6.5 per cent, with the number of unemployed youths at 432.0 thousand persons (October 2023: 6.6%; 439.6 thousand persons).

As for the inactivity group, the number of outside labour force during the month was in a downward trend, with a marginal decline of 0.03 per cent to record 7.24 million persons (October 2023: 7.24 million persons). Housework/ family responsibilities were the major composition of the outside labour force (42.6%), while the schooling/ training category ranked second with 41.1 per cent.

Concluding the statement, despite the global challenges, Malaysia's diversified economic structure and strong fundamentals facilitated stable economic growth. Therefore, the country's labour market also showed steady growth momentum for the eleven-month period in 2023, with an increasing number of employed persons and unemployment dwindling to bring the unemployment rate back to its pre-pandemic levels. Moreover, the upcoming holiday season is poised to boost the economy, particularly in tourism activities. Although floods in 2023 impacted several states in Malaysia, the situation is unlikely to significantly affect the overall labour market as they are seen as affecting the local area. Thus, the country's labour market landscape is expected to remain in a strong position in the coming months, in line with the country's growing economic performance.

Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 10 January 2024

information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life."

Chart 1: Employed persons, Malaysia, November 2020 - November 2023




Chart 2: Unemployment, Malaysia, November 2020 - November 2023





Chart 3: Outside labour force, Malaysia, November 2020 - November 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 JANUARY 2024**